

Arahan Perbendaharaan 310

Lembaga Pemeriksa Tahunan

Lembaga Pemeriksa yang dilantik oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai. Lembaga Pemeriksa hendaklah dipengerusikan oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta hendaklah menjalankan pemeriksaan selepas penutupan urusan pada hari kerja akhir urusan setiap satu (1) tahun atau sebelum permulaan urusan pada hari kerja pertama dalam tahun yang berikutnya. Lembaga Pemeriksa itu hendaklah memeriksa wang tunai, setem dan barang-barang berharga yang ada dalam simpanan selamat dengan buku tunai serta rekod lain Perbendaharaan dan Ketua AkauntanKementerian yang berkenaan.